

# UMS hasilkan prototaip makanan ikan laut

INSTITUT Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya membangunkan prototaip makanan ikan laut yang mampu mengurangkan kos dan mampu mengurangkan kesan karbon akuakultur.

Prototaip ini juga akan meminimalkan kebergantungan kepada makanan berasaskan ikan dan menggalakkan ketahanan daripada serangan penyakit.

Ia dihasilkan oleh tiga penyelidik Institut tersebut yang diketuai Pengarahnya, Prof. Dr. Saleem Mustafa bersama Dr. Rossita Shapawi dan Prof. Madya Dr. Ng Wing Keong.

Penggunaan prototaip makanan yang dibangunkan menggunakan campuran istimewa daripada ramuan alternatif makanan dan minyak ikan itu menunjukkan kadar pembesaran tinggi, kadar boleh hidup yang tinggi dan kadar alternatif makanan ter-nakan yang lebih baik berbanding makanan berasaskan ikan.

Kajian dijalankan bagi mencari alternatif makanan ikan kerana dianggarkan sebanyak 690,000 tan makanan palet diperlukan untuk tahun 2010 di negara ini termasuk 165,000 tan untuk ikan laut.

Dalam keseluruhan jumlah makanan yang diperlukan itu, hanya 100,000 tan dihasilkan di negara ini manakala selebihnya diimport dari negara luar.

Malaysia merupakan antara negara Asia selatan yang mempunyai permintaan tinggi dalam industri makanan laut dan akuakultur menjadi keutamaan negara kerana cabaran pembangunan lestari yang dihadapinya.

Sasaran utama dalam kajian pembangunan makanan adalah untuk membangunkan makanan yang



PROTOTAIP makanan ikan laut hasil penyelidikan UMS.

memastikan pembekalan bertahan, mesra persekitaran dan alternatif keberkesanan kos yang mengandungi diet ikan.

Produk yang memenangi anugerah ini mempunyai potensi tinggi untuk dikomersialkan dan memberikan

perspektif baru dalam industri akuakultur tempatan dan global.

Kerjasama UMS dengan FQ FeedMill Sdn. Bhd., syarikat yang terlibat dalam perniagaan memproses, pembuatan, mengimport dan mengeksport pelbagai produk makanan haiwan telah berjaya mengangkat produk kajian itu menjadi produk komersil yang berdaya maju.

Perjanjian memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak bagi memperkukuhkan kerjasama dan menterjemah keputusan kajian kepada produk komersial dan mendapatkan sokongan untuk inisiatif kajian dan pembangunan (R&D) bagi mempromosikan kerjasama universiti dan industri dalam bidang keutamaan tinggi akuakultur.